



## SOALAN-SOALAN LAZIM PIN & BAYAR KAD KREDIT/-i BSN

### Latar Belakang

PIN diperlukan apabila membuat pembayaran menggunakan kad di terminal jualan di Malaysia. Ini bertujuan meningkatkan keselamatan kad anda terhadap urus niaga tanpa kebenaran kerana nombor PIN anda hanya diketahui oleh anda.

#### 1. Bilakah saya perlu menggunakan PIN?

Anda memerlukan PIN 6-Digit untuk melaksanakan semua urusan pembelian runcit di terminal jualan, dispenser petrol automatik atau terminal layan diri di stesen minyak dan untuk pengeluaran tunai di ATM di Malaysia.

#### 2. Apa yang saya perlu lakukan apabila menerima Kad Kredit/-i PIN & BAYAR BSN baharu?

Sila ikuti arahan di dalam *Card Mailer* untuk mengaktifkan dan menetapkan PIN 6-Digit anda.

#### 3. Bagaimana saya boleh mendapatkan PIN 6-Digit saya?

Terdapat **tiga saluran** yang disediakan untuk anda menetapkan PIN. Sila ambil perhatian kad kredit/-i anda akan diaktifkan secara automatik sebaik sahaja PIN anda berjaya ditetapkan menerusi salah satu saluran di bawah:

No.	Saluran yang disediakan dan Langkah-Langkah untuk menetapkan PIN
1.	<p style="text-align: center;"><b><u>Perbankan Internet myBSN</u></b></p> <p><b>A. Pengguna Kali Pertama</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Klik “Daftar” di laman utama Perbankan Internet myBSN untuk bermula.</li><li>ii) Selepas pendaftaran berjaya, teruskan ke <b>B. Pengguna myBSN sedia ada</b> seperti di bawah.</li></ul> <p><b>B. Pengguna myBSN sedia ada</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Log masuk ke <a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a></li><li>ii) Pergi ke “Manage Account” &gt; “Credit Card Settings” &gt; “Create/Change Credit Card PIN”. Pilih “Credit Card Number” &gt; “Submit” &gt; Masukkan PIN Baharu &gt; Sahkan PIN.</li><li>iii) Satu pemberitahuan semerta akan dihantar ke peranti mudah alih berdaftar anda.</li><li>iv) Lancarkan Aplikasi Mudah Alih myBSN* dan klik butang “Approve” untuk mengesahkan transaksi dan meneruskan penetapan PIN.</li><li>v) PIN Kad Kredit/-i anda telah berjaya ditetapkan.</li></ul> <p><i>*Nota: Aplikasi Mudah Alih myBSN boleh dimuat turun dari Google Play Store, Apple App Store atau Huawei AppGallery.</i></p>

No.	Saluran yang disediakan dan Langkah-Langkah untuk menetapkan PIN				
2.	<p style="text-align: center;"><b><u>SMS</u></b></p> <p>Sila guna nombor telefon bimbit yang didaftarkan oleh Ahli Kad Utama.</p> <p>i) Hantar SMS seperti jadual di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="380 390 1411 768"> <thead> <tr> <th data-bbox="380 390 891 457">Untuk Kad Kredit/-i Utama</th> <th data-bbox="891 390 1411 457">Untuk Kad Kredit/-i Tambahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="380 457 891 768"> Taip:  <b>BSNPIN&lt;&gt;NRIC*&lt;&gt;4 digit akhir nombor Kad Kredit/-i Utama</b>   Hantar ke <b>66300</b>   Contoh:  <b><u>Ahli Kad Utama</u></b>  <b>BSNPIN 790416123456 1234</b> </td> <td data-bbox="891 457 1411 768"> Taip:  <b>BSNPIN&lt;&gt;NRIC*&lt;&gt;4 digit akhir nombor Kad Kredit/-i Tambahan</b>   Hantar ke <b>66300</b>   Contoh:  <b><u>Ahli Kad Tambahan</u></b>  <b>BSNPIN 790416123456 5678</b> </td> </tr> </tbody> </table> <p>*Kad Pengenalan Ahli Kad Utama diperlukan.</p> <p>ii) Ahli Kad Utama akan menerima PIN sementara.  iii) Tukar PIN sementara ke PIN tetap di mana-mana ATM BSN dalam tempoh 24 jam*.  iv) Di ATM BSN:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masukkan PIN sementara &gt;</li> <li>• "Penukaran PIN" &gt;</li> <li>• Masukkan PIN tetap &gt;</li> <li>• Sahkan PIN</li> </ul> <p><i>*Nota: PIN Sementara adalah sah untuk tempoh 24 jam sahaja. Jika tamat tempoh, sila ulangi langkah-langkah di atas.</i></p>	Untuk Kad Kredit/-i Utama	Untuk Kad Kredit/-i Tambahan	Taip: <b>BSNPIN&lt;&gt;NRIC*&lt;&gt;4 digit akhir nombor Kad Kredit/-i Utama</b>  Hantar ke <b>66300</b>  Contoh: <b><u>Ahli Kad Utama</u></b> <b>BSNPIN 790416123456 1234</b>	Taip: <b>BSNPIN&lt;&gt;NRIC*&lt;&gt;4 digit akhir nombor Kad Kredit/-i Tambahan</b>  Hantar ke <b>66300</b>  Contoh: <b><u>Ahli Kad Tambahan</u></b> <b>BSNPIN 790416123456 5678</b>
Untuk Kad Kredit/-i Utama	Untuk Kad Kredit/-i Tambahan				
Taip: <b>BSNPIN&lt;&gt;NRIC*&lt;&gt;4 digit akhir nombor Kad Kredit/-i Utama</b>  Hantar ke <b>66300</b>  Contoh: <b><u>Ahli Kad Utama</u></b> <b>BSNPIN 790416123456 1234</b>	Taip: <b>BSNPIN&lt;&gt;NRIC*&lt;&gt;4 digit akhir nombor Kad Kredit/-i Tambahan</b>  Hantar ke <b>66300</b>  Contoh: <b><u>Ahli Kad Tambahan</u></b> <b>BSNPIN 790416123456 5678</b>				
3.	<p style="text-align: center;"><b><u>Cawangan BSN</u></b></p> <p>Sila bawa Kad Pengenalan dan Kad Kredit/-i BSN baharu anda untuk tujuan pengesahan.</p>				

#### 4. Bolehkah saya membuat pembelian menggunakan PIN Sementara yang diterima dari BSN?

Atas alasan keselamatan, hanya PIN Tetap akan diterima. Sila pastikan anda telah menukar PIN Sementara anda ke PIN Tetap di mana-mana ATM BSN dalam tempoh 24 jam sebelum anda mula membuat pembelian.

#### 5. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya terlupa PIN?

Jika anda terlupa PIN anda, anda tidak dapat menggunakan kad anda di terminal jualan, dispenser petrol automatik dan terminal layan diri serta ATM yang memerlukan PIN. Untuk menetapkan semula PIN baharu, sila ikuti langkah-langkah dalam Perkara 3 di atas

#### 6. Apakah yang akan berlaku jika saya masukkan PIN yang salah?

Anda dibenarkan sehingga tiga (3) cubaan sebelum kad anda disekat. Cubaan PIN yang terhad melindungi anda daripada kemungkinan perbuatan jenayah menggunakan kad anda. Jika kad anda disekat, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300-88-1900 untuk bantuan.



**7. Saya adalah Ahli Kad Tambahan. Bagaimanakah saya menetapkan PIN 6-Digit saya?**

Sila minta AHLI KAD UTAMA anda untuk menetapkan PIN bagi pihak anda menggunakan kaedah yang sama seperti dinyatakan dalam Perkara 3 di atas.

**8. Saya akan ke luar negara. Apakah yang perlu saya lakukan?**

Sila pastikan anda telah mengaktifkan kad dan menetapkan PIN 6-Digit anda sebelum ke luar negara. Di negara-negara yang mengamalkan penggunaan PIN, anda akan diminta untuk melengkapkan transaksi menggunakan PIN. Walau bagaimanapun tidak semua pasaran di luar negara menyokong penggunaan PIN. Jika terminal di luar negara tersebut tidak menyokong penggunaan PIN 6-Digit, anda boleh menggunakan tandatangan untuk meluluskan pembayaran.

**9. Apakah yang akan berlaku kepada Kad Kredit/-i baharu saya sekiranya saya gagal mengaktifkan dan menetapkan PIN saya?**

Kad anda masih sah. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang transaksi ditolak, anda dinasihatkan untuk mengaktifkan dan menetapkan PIN 6-Digit anda dengan segera sebaik sahaja anda menerimanya.

**10. Bagaimanakah saya membuat pembayaran di terminal jualan?**

LANGKAH 1: Masukkan atau sentuhkan kad anda pada terminal.

LANGKAH 2: Masukkan PIN 6-Digit anda apabila diminta.

Tiada tandatangan diperlukan untuk pembelian RM250 dan ke bawah menerusi transaksi tanpa sentuh (*contactless*).

**11. Bagaimana saya boleh pastikan PIN saya selamat?**

Adalah sangat penting bagi anda untuk merahsiakan PIN anda supaya Kad PIN & BAYAR anda dilindungi daripada penipuan akibat dari kehilangan dan kecurian kad. Berikut adalah langkah-langkah untuk menjaga keselamatan PIN anda:

- a) Tidak menyimpan rekod bertulis tentang PIN anda bersama dengan kad.
- b) Tidak membenarkan orang lain melihat PIN anda semasa anda memasukkannya di terminal jualan, dispenser petrol automatik, terminal layan diri atau ATM.
- c) Tidak menyimpan PIN anda dalam bentuk yang mudah dikenalpasti sebagai PIN (contoh: tarikh lahir, tarikh ulang tahun, sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nombor kad pengenalan, dll).
- d) Tidak mendedahkan PIN anda kepada orang lain (termasuk pihak berkuasa, ahli keluarga atau pasangan).
- e) Tidak cuai atau lalai mendedahkan PIN anda.
- f) Sentiasa semak penyata dan transaksi untuk mengenal pasti sebarang aktiviti penggunaan tanpa kebenaran.
- g) Melaporkan kepada bank dengan segera jika anda menyedari kad anda hilang atau dicuri atau PIN anda telah diketahui oleh orang lain.

\*\*\*APRIL 2024\*\*\*